

24 Mar. 2011 10:45

UPEN KEDAH

No. 627 2. 1/6



كَلَامُ الْمَلِكِ  
KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
WISMA DARUL AMAN  
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

"KEDAH SEJAHTERA"



UPEN(K) 954 Jld.4 (38)

19 Rabiulawal 1432  
24 Mac 2011

SENARAI EDARAN BERKELAT,

YB./Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**BENGKEL PENGHASILAN PRODUK MAKANAN UNTUK WANITA MISKIN DAN IBU TUNGGAL DI NEGERI KEDAH**

Adalah dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Kedah dengan kerjasama Kedah Bioresources Corporation Sdn Bhd akan menganjurkan Bengkel Penghasilan Produk Makanan untuk Wanita Miskin dan Ibu Tunggal yang akan diadakan seperti berikut :

Tarikh : 21 dan 22 Mei 2011 (Sabtu dan Ahad)  
Masa : 8.30 pagi – 5.00 petang  
Tempat : Kedah Bioresources Corporation Sdn Bhd  
Kulim Hi-Tech Park, Kulim  
Kedah Darul Aman

3. Untuk makluman pihak YB./Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan, pengangkutan akan disediakan oleh pihak Urusetia. Bengkel Penghasilan Produk Makanan (penyediaan Kuih Talam Komersial dan penyediaan aneka Sos) yang akan melibatkan 25 orang peserta pada 21 Mei 2011 dan 25 orang peserta pada 22 Mei 2011.

4. Sehubungan dengan itu, YB./Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan dikehendaki menghantar 3 orang peserta wanita dari Jabatan/Persatuan/NGO's YB./Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan bagi mengikuti program tersebut. Keterangan lanjut sila hubungi urusetia Puan Shafiza bt.Jamaluddin di talian 04-7744368. Bersama-sama ini disertakan borang penyertaan untuk dikembalikan ke pihak urusetia sebelum atau pada 28 April 2011.

5. Kerjasama dan pihak YB./Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan dalam menjayakan program tersebut amat diharapkan dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.